

23/10/1998

Amaran kepada penghasut

KUALA LUMPUR, Khamis - Polis memandang serius tindakan penganjur perhimpunan haram 'Sejuta Rakyat' di Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini Sabtu ini, yang menghasut orang ramai membawa bersama minyak tanah atau petrol bagi berdepan dengan pihak berkuasa.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Kamarudin Md Ali, berkata polis tidak akan berkompromi dengan perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan bertujuan buruk untuk mencetuskan keganasan itu.

Menurutnya, berdasarkan maklumat yang diterima, pihak yang tidak bertanggungjawab itu mengedarkan risalah mengenai perhimpunan berkenaan di sekitar ibu negara, hari ini.

Katanya, risalah terbabit turut menghasut supaya peserta perhimpunan itu menyediakan sedikit petrol atau minyak tanah bagi menghadapi tindakan polis.

Difahamkan, risalah berbentuk nota kecil itu diedarkan secara meluas di sekitar ibu negara hari ini dan dipercayai sudah dilakukan sejak beberapa hari lalu.

"Polis akan melakukan pemeriksaan bagi mengesan perbuatan membawa petrol atau minyak tanah ini kerana ia boleh dikategorikan sebagai bahan berbahaya. Tindakan lebih tegas akan diambil kepada mereka yang terbabit dan bukan sekadar didakwa kerana menyertai perhimpunan haram saja," katanya ketika dihubungi Berita Harian, hari ini.

Semalam, seramai 128 orang termasuk 17 wanita dihadapkan di Mahkamah Majistret di sini kerana enggan mematuhi arahan polis untuk bersurai dalam dua perhimpunan haram di ibu negara, Sabtu lalu.

Mereka yang berusia antara 18 hingga 59 tahun didakwa mengikut Seksyen 27(4) dan 27(5) Akta Polis 1967 (Akta 344) yang jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM10,000 atau setahun penjara. Kecuali seorang, semua tertuduh itu tidak mengaku bersalah.

Kamarudin berkata, pemeriksaan akan dilakukan dengan menyeluruh pada hari itu.

Mengenai khabar angin perhimpunan haram dan perarakan dari Masjid Negara ke bangunan Parlimen petang esok, beliau berkata, apa yang saya tahu tidak ada permit dikeluarkan sekali gus saya sifatkan sebagai satu perhimpunan haram," katanya.

Beliau juga mengingatkan polis akan menghalang perarakan ke Parlimen itu kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Kewangan Pertama dijangka membentangkan Belanjawan 1999.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata tindakan pihak tertentu berdemonstrasi atau melakukan rusuhan untuk membuat reformasi, bercanggah dengan konsep dan semangat demokrasi yang diamalkan negara selama ini.

"Kita boleh melaungkan keadilan dan reformasi, tetapi apabila kita membelakangkan intitusi Parlimen itu sendiri, ia adalah bertentangan dengan apa yang dilaungkan," katanya.

(END)